

Ulasan Buku/*Book Review*

Filosofi Islam Nusantara, Perspektif Syed Muhammad Naquib Al-Attas oleh Mulyadi Idris. 2018. Penerbit Universitas Malikussaleh, Unimal Press, Jl. Sulawesi No.1-2, Kampus Bukit Indah Lhokseumawe 24351, PO.Box. 141, Aceh, Indonesia

Diulas oleh

SHAHRIL AZHARI BIN JUMARI*

Department of Geoinformation, Faculty of Built Environment and Surveying,
Universiti Teknologi Malaysia, 81310, Skudai, Johor, Malaysia

Buku ini adalah karya sarjana dari Indonesia yang bernama Mulyadi Idris. Buku ini ditulis dalam bahasa Indonesia dan telah diterbitkan pada tahun 2018 oleh Universitas Malikussaleh, Aceh. Pada asalnya, ianya adalah sebuah tesis yang dikembangkan menjadi sebuah buku. Berkenaan latar belakang penulisnya, Mulyadi Idris menulis tesis ini untuk melengkapkan tugas dan syarat menjadi Hakim Syarie pada Program Studi Ilmu Agama Islam, Konsentrasi Pemikiran dalam Islam, Pascasarjana Universitas Islam Negeri (UIN) Ar-Raniry, Darussalam-Banda Aceh. Sekarang, beliau bertugas sebagai tenaga pendidik di Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Langsa, Aceh. Bidang kepakaran beliau adalah sejarah dan falsafah Islam.

Buku ini secara umumnya membahaskan tentang teori dan falsafah kedatangan Islam ke Alam Melayu di Nusantara dari perspektif sejarah dan ahli tasawuf terkenal iaitu Syed Muhammad Naquib Al-Attas. Menurut Mulyadi dalam pendahuluan bukunya, terdapat banyak teori tentang asal usul Islamisasi di Nusantara. Sebahagian mengatakan melalui India, sebahagian lagi yakin ianya melalui Arab dan ada yang mengatakan melalui Persia (Iran). Ada juga yang yakin bahawa masyarakat Alam Melayu Nusantara diislamkan secara langsung oleh Ali bin Abi Thalib. Prosesnya adalah ketika Ali ke Yaman untuk beberapa tahun. Sementara itu, banyak pelaut

*Corresponding author: Shahril Azhari Bin Jumari, Department of Geoinformation, Faculty of Built Environment and Surveying, Universiti Teknologi Malaysia, 81310, Skudai, Johor, Malaysia, e-mel: shahrilazhari@gmail.com
Diserahkan: 7 November 2021
Diterima: 14 Mac 2022
DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2022-1402-07>

nusantara yang berlayar dan transit di Yaman untuk berdagang. Melalui para pedagang itu, Islam disebarkan ke nusantara oleh masyarakat Nusantara sendiri. Ini berkemungkinan kerana ketika gelombang pendakwah Islam masuk ke Nusantara, agama Islam tidak asing lagi kepada masyarakat melayu. Melalui berbagai teori itu, sebahagian besar pengkaji proses kedatangan Islam ke Nusantara sepakat bahawa Islam Nusantara adalah Islam yang datang dengan kedamaian, berharmoni dengan kebudayaan tempatan dan bersifat terbuka.

Dalam buku ini, Mulyadi mengkaji pelbagai teori kedatangan Islam ke Nusantara, baik yang dikemukakan oleh para peneliti orientalis mahu pun peneliti Alam Melayu seperti Hamka, Azra dan Al-Attas. Syed Muhammad Naquib Al-Attas yang menjadi objek kajian dalam buku ini meyakini Islam masuk ke Nusantara melalui Arab. Beliau tidak sependapat dengan pandangan Islam masuk melalui India kerana dalam Islam Nusantara, tidak terdapat unsur Islam India. Menurutnya, Islam Nusantara lebih bercirikan Timur Tengah. Beliau berusaha menjelajah pemikiran Al-Attas dengan tujuan untuk menggali akar umbi Islam Nusantara. Dengan mengkaji pemikiran Al-Attas tentang Islamisasi Nusantara, Mulyadi menyimpulkan bahawa identiti Islam Nusantara adalah unik dan berbeza dengan pola masyarakat Islam yang lain di dunia. Antara keunikan yang dimaksudkan adalah Islam Nusantara bersifat sangat sufistik. Prinsip-prinsip kesufian sangat dirasai dalam amalan masyarakat Islam di Nusantara.

Mulyadi tidak menghadkan teori kedatangan Islam ke Nusantara kepada kajian eksperimen atau kaedah empirik yang berbentuk fizikal semata-mata. Definisi Mulyadi terhadap teori kedatangan Islam akan membawa pembaca untuk memahami teori dari sudut yang unik sehingga mencerminkan sebuah kerangka perbahasan mengikut perspektif Al-Attas. Oleh yang demikian, buku setebal 104 muka surat ini telah dimulakan dengan pendahuluan dan disusuli dengan lima buah bab yang mempunyai tajuk masing-masing iaitu, (I) Pendahuluan, (II) Teori Tentang Islam Nusantara, (III) Syed Muhammad Naquib Al-Attas Dan Pergerakan Intelektual, (IV) Pandangan Al-Attas Terhadap Islam Nusantara Dan (V) Kesimpulan.

Dalam bab satu pendahuluan, Mulyadi menjelaskan latar belakang masalah yang dijalankan dalam kajian ini. Metodologi untuk kajian ini adalah kajian kepustakaan dengan mengumpulkan data pustaka, membaca, mencatat serta meneliti buku, majalah, jurnal, dokumen, naskah, dan tulisan lainnya yang bersifat analisis deskriptif. Objek penelitiannya adalah pemikiran tokoh falsafah melalui karyanya untuk mendapatkan gambaran dan deskripsi secara sistematik serta hubungannya dengan pelbagai fenomena.

Menurut Mulyadi, Al-Attas menegaskan bahwa Islam telah mengubah pola pemikiran masyarakat Nusantara, baik dalam hal-hal yang bersifat empirikal mahu pun bersifat rasional metafizik Islam, tidak hanya memberikan perubahan pada struktur lahiriah semata-mata namun turut memberi perubahan yang mendalam pada struktur jatidiri. Islam mampu mengubah pandangan hidup Al-Attas mengatakan bahwa proses Islamisasi di Nusantara didefinisikan sebagai *“the historical and cultural impact of Islam upon the Malay world which revolutionized the Malay vision of reality and existence into distinctly Islamic worldview”*.

Bab kedua dengan tajuk ‘Teori Tentang Islam Nusantara’, Mulyadi membahaskan tentang teori kedatangan Islam ke Nusantara sehingga terwujudnya dua kelompok agama terbesar di Indonesia iaitu Nahdatul Ulama (NU) dan Muhammadiyah. Nahdatul Ulama ditubuhkan pada 31 Januari 1926 di Surabaya. Organisasi ini merupakan gabungan kumpulan para ulama terkemuka, maka dinamakanlah Nahdlatul Ulama yang bermakna “Kebangkitan para Ulama” diketuai oleh Kiai Hasyim Asy’ari. NU dengan fahaman *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*, merupakan golongan keagamaan terbesar di Nusantara pada ketika itu. NU juga cuba mempertahankan tradisi tradisional di samping menyesuaikan pemikiran Islam terkini selagi tidak melangkaui ajaran-ajaran Islam yang murni. Muhammadiyah diasaskan pada tahun 1912 oleh Muhammad Darwisy kemudian disebut dengan Ahmad Dahlan, merupakan suatu wadah kelompok pembaharuan di bidang pemikiran Islam Indonesia dan juga bergerak di berbagai bidang kehidupan masyarakat Nusantara. Ajaran sufisme Muhammadiyah tidak mengenal adanya guru yang memiliki genealogi dengan Nabi dan maqam tertentu untuk menghubungkan manusia dengan Tuhannya. Pola pemikiran Muhammadiyah ada hubungannya dengan tokoh pembaruan Islam iaitu Ibnu Taimiyah dan Muhammad bin Abdul Wahhab. Berbagai teori yang telah digabungkan melalui pandangan pengkaji Nusantara dan Orientalis, maka Islam yang datang ke Nusantara dibawa oleh para pedagang, saudagar, pelancong, pengembara, dan teori yang lebih unggul adalah dibawa dan disebarkan oleh ahli sufi. Teori ini kemudiannya menjadi perdebatan adakah kedatangan Islam dari Arab, India, Malabar, Coromandel, Hadramaut atau dari Gujarat. Al-Attas mengakui bahawa memang benar sebahagian dari penyebar Islam di Nusantara datang melalui India, akan tetapi kebanyakan juga datang terus dari Arab, dan ada pula yang melalui negeri Parsi, Cina, Maghribi, dan Turki. Menurut al-Attas, yang terpenting adalah kandungan fahaman dan ajaran agama yang dibawa oleh mereka itu adalah bersifat Timur Tengah bukannya dari India.

Bab ketiga dengan tajuk ‘Syed Muhammad Naquib Al-Attas Dan Pergerakan Intelektual’, Mulyadi menghuraikan tentang riwayat hidup, pendidikan dan konsep pemikiran Al-Attas. Syed Muhammad Naquib ibn Ali ibn Abdullah ibn Muhsin Al-Attas dilahirkan pada 5 September 1931 di Bogor, Jawa Barat. Al-Attas bersekolah di Bukit Zahrah School dan English College di Johor dan menghabiskan pendidikan menengahnya di Malaya. Pada tahun 1951, Al-Attas diterima masuk ke Regimen Askar Melayu di Malaya seterusnya melanjutkan pengajian di Universiti Malaya. Dalam tempoh tersebut, Al-Attas telah menulis banyak buku aliran sufi, di antaranya diterjemahkan dalam bahasa Indonesia, Melayu, Inggeris, Arab, Persia, Turki, Perancis, Jerman, Rusia, Bosnia, Jepun, India, Korea, dan Albania. Mengenai pengaruh pemikiran Syed Muhammad Naquib Al-Attas menurut Mulyadi, Al-Attas adalah seorang yang fokus terhadap kemajuan umat Islam dari pelbagai bidang. Beliau memiliki misi utama menjadikan nilai-nilai dasar yang ada dalam Islam kembali pada akarnya dengan cubaan mengembangkan kata-kata kunci dalam Islam dengan tidak menghilangkan makna sebenar di dalam kata-kata tersebut. Al-Attas merupakan salah seorang intelektual yang mengemukakan teori asal tentang kedatangan Islam ke alam Melayu-Nusantara. Usaha dalam membangun teori tersebut telah membangkitkan kesedaran dalam kalangan ahli akademik untuk menilai sejarah Islam di Asia Tenggara. Dalam *Encyclopedia of Islam*, beliau telah menulis berkenaan dengan sejarah Islam di Nusantara. Al-Attas juga sangat mempengaruhi penulisan para orientalis terdahulu, sehingga mempengaruhi para peneliti perihal kedatangan Islam di Nusantara sehingga kini. Al-Attas merupakan salah seorang pemikir yang mengenal dengan baik dan menghitung tarikh pahatan pada Batu Bersurat di Terengganu, sekaligus menyelesaikan perdebatan para orientalis selama lebih dari setengah abad. Al-Attas juga bertanggungjawab dalam perencanaan peranan bahasa Melayu dalam pembentukan bangsa dan mempertahankan hujahnya di hadapan pemimpin politik Malaysia pada tahun 1968. Perencanaan kata dan kefahaman merupakan faktor penting dalam pengagasan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Negara Malaysia. Konsep Pendidikan Syed Muhammad Naquib al-Attas menguasai pelbagai disiplin ilmu, seperti teologi, falsafah, metafizik, sejarah, tasawuf, dan sastera. Al-Attas merupakan penulis produktif yang memberikan banyak sumbangan terhadap disiplin keislaman dan sejarah yang mengandungi nilai-nilai ontologis dalam peradaban Melayu-Nusantara. Menurut al-Attas, penyebab kemunduran umat Islam pada beberapa dekad kebelakangan adalah akibat dari ‘*corruption of knowledge*’ dan lemahnya penguasaan umat terhadap ilmu pengetahuan. Hal itu mengakibatkan lemahnya umat Islam dalam bidang politik, ekonomi, sosial, dan budaya. Pendidikan mesti diimbangi dengan nilai-nilai spiritual Islam, bukan hanya aspek kebendaan semata-mata. Perkembangan jasmani seseorang tanpa kawalan kerohanian akan mengakibatkan kesulitan-kesulitan duniawi yang membawa pada kerugian serta kehilangan makna dalam diri.

Bab keempat dengan tajuk ‘Pandangan Al-Attas Terhadap Islam Nusantara’, yang menjelaskan dan memaparkan inti dari teori al-Attas dalam melihat corak Islam di Nusantara iaitu Islam yang berdasarkan pada metafizik sufi. Menurut Mulyadi, Al-Attas memberikan ketetapan bahawa Islam di Nusantara merupakan Islam yang berlandaskan sufisme. Asas ontologi sufistik dalam pandangan al-Attas merujuk kepada konsep tentang ‘*wujud*’ (*existence*). Doktrin mengenai ontologi *wujud* telah mengubah pemikiran masyarakat Nusantara, bahawa satu-satunya *wujud* adalah wujudnya Tuhan, tidak ada wujud selain Allah SWT. Menurut al-Attas pada peringkat awal kedatangan Islam ke Nusantara pada 578-805H/1200-1400M, pengajaran yang berperanan penting dalam proses Islamisasi adalah pengajaran aqidah dan fiqh. Konsep-konsep Islam yang sangat asas tentang keesaan Tuhan (tauhid) diperkenalkan. Kedatangan agama Islam ke Nusantara menurut al-Attas dinilai sebagai suatu pembangunan dunia baru, harapan baru, cita-cita serta kebudayaan dan peradaban baru. Masyarakat Nusantara dibimbing oleh para sufi untuk paham tentang teologi Islam, hubungan sesama manusia, hubungan dengan makhluk ciptaan Tuhannya, pengertian-pengertian tentang keesaan Tuhan serta ketauhidan dalam bentuk rasional yang dipersepsikan secara realistik. Aturan dan cara-cara berinteraksi, cara berpakaian yang sesuai, dan hubungan dengan lawan jenis mulai diatur oleh Islam yang sebelumnya tidak jelas. Nilai-nilai dan norma-norma semua berasaskan syariat dan doktrin Islam. Para sufi memberikan pemahaman bahawa Islam dalam pandangan syariatnya memberikan bekal jaminan dalam kehidupan dan kematian, ertinya, Islam memberikan bekal kehidupan duniawi dan ukhrawi. Kehidupan di dunia akan berkesinambungan dengan kehidupan akhirat. Segala perbuatan manusia yang baik maupun tidak baik akan mendapat ganjarannya di akhirat. Peringkat kedua pada tahun 803-1112H/1400-1700 M mula menerapkan metafizik sufi (tasawuf). Kaum sufi yang menyebarkan Islam menggunakan Al-Quran sebagai pedoman utama dalam misi Islamisasi. Al-Quran mengandungi unsur ontologi, tauhid, kosmologi, dan tentang keadaan Sang Pencipta. Al-Quran memberikan kesan yang mendalam bagi segi akidah pada setiap aspek kehidupan manusia. Berbeza dengan konsep ontologi Hindu-Buddha yang memandang manusia memiliki kasta atau darjat dalam kehidupan. Konsep Al-Quran memberikan kesamaan rataan dalam kehidupan manusia. Peringkat ketiga pada tahun 1112 H/1700 M merupakan sebagai peringkat pengekalan dari semangat rasionaliti dan individualiti, yang berlandaskan pegangan falsafah yang telah diletakkan terlebih dahulu oleh Islam dalam peringkat pertama dan kedua sebelum ini. Islam sufisme yang merupakan wajah Islam Nusantara semestinya tidak digantikan dengan fahaman lain untuk membentuk pola fikir dan ciri-ciri masyarakat Islam Nusantara. Aspek sufisme berpaksikan kepada konsep *al-Wujud* yang dapat dirasionalkan dan memberikan pengaruh yang mendalam pada jiwa masyarakat Nusantara. Sufisme mengembalikan

nilai-nilai tauhid yang tidak memisahkan antara jasmani dan rohani. Pandangan ilmu tauhid merupakan sebuah pandangan dunia rasional. Dengan demikian syariat menjelaskan tauhid sebagai pengatur seluruh aspek kehidupan umat muslim.

Bab kelima dan terakhir adalah kesimpulan, Menurut Mulyadi, Islam Nusantara adalah Islam yang dapat menyesuaikan diri dengan budaya Nusantara dengan ciri-ciri toleransi, lemah lembut, membimbing, dinamik dan bersesuaian dengan pelbagai lingkungan bangsa dan agama. Islam Nusantara memberikan impak yang positif terhadap masyarakat dinamik yang bersifat ramah, terbuka, inklusif, mewarnai budaya masyarakat Nusantara untuk mewujudkan sifat penyesuaiannya iaitu rahmat untuk semua umat manusia. Islam Nusantara adalah konsep falsafah yang membentuk nilai, cara pandangan, pola fikir dalam melihat susunan budaya dan antropologi. Pengembara sufi menggunakan tasawuf sebagai asas falsafahnya untuk menyebarkan Islam di Nusantara. Islam model sufistik tersebut tidak hanya mengubah pandangan masyarakat Nusantara pada dimensi estetika semata-mata, tetapi turut mengubah struktur kerohanian, pola fikir dan jiwa. Peradaban Nusantara yang semula kental dengan unsur-unsur seni mengalami revolusi menuju pandangan hidup yang lebih rasional. Al-Attas telah menjelaskan teori mengenai Islam Nusantara yang disebarkan oleh kaum sufi meskipun Al-Attas tidak mendefinisikan apa itu Islam Nusantara. Teori tersebut adalah teori Islamisasi di Nusantara yang merupakan laluan untuk mendefinisikan Islam Nusantara. Teori yang digagaskan oleh Al-Attas cukup berpengaruh dalam mengembangkan model serta bentuk Islam yang ada di Nusantara sehingga kini.

Buku ini merupakan sebuah buku yang bersifat substansial. Penulis merumuskan kedatangan Islam ke Nusantara melalui pelbagai teori yang dikemukakan oleh para pengkaji Orientalis mahupun pengkaji Nusantara. Dalam pandangan saya, Islam Nusantara memiliki sejarah dan falsafah yang panjang. Penulis berusaha mengeksplorasi pemikiran Al-Attas dengan tujuan untuk dapat mengetahui asal usul Islam Nusantara. Di antara keunikan Islam Nusantara adalah ianya bersifat sufistik. Prinsip-prinsip kesufian sangat dirasai dalam amalan Islam masyarakat Nusantara. Melalui pendekatan sufistik, Islam menjadi asas pandangan hidup dan sistem sosial masyarakat Islam Nusantara. Doktrin ini terus diwarisi hingga hari ini sehingga masyarakat Islam Nusantara tetap menjadi masyarakat yang beriman, terbuka dan harmoni. buku ini sangat sesuai dibaca oleh orang yang terlibat secara langsung dengan bidang sejarah dan falsafah Islam.